



KENYATAAN MEDIA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

LAWATAN KERJA YB. TIMBALAN MENTERI PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI KE PULAU KETAM, KLANG

1. YB Sim Tze Tzin, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani mengadakan lawatan kerja ke Pulau Ketam pada 27 September 2018 (Khamis). Tujuan lawatan kerja beliau adalah bagi menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh kumpulan sasar iaitu nelayan dan penternak ikan di Pulau Ketam serta mencadangkan program transformasi sektor perikanan bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan mereka.
2. Statistik **perikanan tangkapan** menunjukkan pendaratan ikan laut di Selangor adalah sebanyak **125,517 tan metrik dengan nilai RM1.02 Billion**, dan Selangor merupakan negeri ke-6 terbesar menyumbang sebanyak 8.57% kepada pengeluaran tangkapan ikan di Malaysia yang berjumlah 1.5 juta tan metrik dengan nilai RM 10.8 bilion. Bilangan vesel di Selangor berjumlah 3,923 vesel di mana bagi zon A adalah sebanyak 3,263, zon B sebanyak 534 buah vesel dan selebihnya dari Zon C.
3. Isu-isu yang dihadapi oleh nelayan setempat adalah melibatkan dasar pelesenan, penggunaan peralatan tangkapan yang dilarang serta isu penguatkuasaan di sempadan negara. Hal ini kerana terdapat vesel yang menangkap ikan di perairan Malaysia ditahan oleh pihak Indonesia. Bagi mengatasi isu tersebut, Malaysia memperkukuh kerjasama di antara agensi penguatkuasaan seperti APMM dan Polis Marin di mana **Jabatan Perikanan sebagai 'Lead Agency'** khususnya melibatkan isu-isu perikanan Zon A seperti pencerobohan vesel tempatan dan penggunaan peralatan destruktif.

4. Manakala bagi **sektor akuakultur**, Selangor merupakan pengeluar ke-5 akuakultur terbesar di Malaysia dengan pengeluaran sebanyak **18,618 tan metrik bernilai RM230 juta**. Ia menyumbang sebanyak 4% kepada pengeluaran akuakultur negara iaitu 427,000 tan metrik dengan nilai semasa RM 3.0 bilion dan sistem ternakan kolam air tawar adalah yang terbanyak pengeluarannya di Selangor.
5. **Industri Akuakultur Klang** mencatatkan sebanyak 1,105 tan metrik bernilai RM17 juta pada tahun 2017 meningkat 10.6% berbanding tahun 2016 iaitu 999 tan metrik dengan nilai RM20 juta. Sistem ternakan utama di daerah ini adalah sistem sangkar air payau, kultur dasar laut kerang, dan air tawar tangki simen dan ikan hiasan.
6. Bilangan penternak yang mengusahakan ternakan akuakultur di Daerah Klang adalah seramai 111 orang (termasuk penternak kerang) di mana 100 orang darinya (92%) adalah penternak air payau manakala bakinya adalah penternak air tawar dan seorang pengusaha ikan hiasan.
7. Pengeluaran utama di daerah tersebut dari sistem ternakan sangkar air payau iaitu sebanyak **916 tan metrik dengan nilai RM16.7 juta** melibatkan seramai 53 orang dengan keluasan kawasan sangkar sebanyak 300,148 m². Terkini bilangan pemilik yang memperolehi sijil myGAP adalah 2 pengusaha.
8. Penternakan akuakultur di Pulau Ketam telah dimulakan secara kecil-kecilan pada tahun 1988 dengan melibatkan 5 orang pengusaha. Projek tersebut terus berkembang dengan penambahan lebih ramai pengusaha dan bilangan sangkar hingga ke hari ini.

9. Isu-isu utama yang melanda penternak sangkar di pulau tersebut seperti penguatkuasaan caj lesen pendudukan sementara (TOL) ternakan sangkar ikan, larangan kemasukan vesel Hong Kong untuk beli ikan hidup di sangkar, rayuan penambahan Permit Pekerja Asing. Pihak kerajaan akan sentiasa berusaha membantu penternak sangkar bagi memacu ekonomi setempat dan pembangunan sektor perikanan negara.

###

**PULAU KETAM,
KLANG, SELANGOR**

27 September 2018 (Khamis) jam 11:00 pagi

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi;

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Tel : 012- 356 9344 (Yazeereen)
013- 631 7313 (Mohd Sharir)

Emel : pro@dof.gov.my / ukk@dof.gov.my